

27/06/2001

Jualan ASD belum catat tahap pesat

PENJUALAN unit Amanah Saham Didik (ASD), yang dilancarkan pada 27 April lalu masih belum mencatat tahap pesat kerana sehingga ini, hanya 68 juta daripada 300 juta unit yang ditawarkan, dilanggan pelabur.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata pihaknya terpaksa bersabar kerana masyarakat Bumiputera mengambil masa untuk membeli ASD yang dikhaskan hanya kepada mereka.

Bagaimanapun, katanya, jualan unit ASD semakin meningkat setiap hari dan tiada masalah bagi PNB menjual semua dana itu yang dipasarkan pada RM1 seunit, cuma ia mungkin mengambil masa.

"Pelaburan permulaan minimum 100 unit, tiada masalah kerana boleh dikumpulkan sedikit demi sedikit," katanya kepada pemberita selepas Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam melancarkan ASD peringkat negeri di Hotel Century, Melaka, semalam.

ASD dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Minggu Amanah Saham Malaysia 2001 di Kota Bahru pada 20 April lalu.

Ia dikhaskan untuk Bumiputera berusia lebih 18 tahun serta ibu bapa atau penjaga bagi kanak-kanak yang berusia dari enam bulan hingga 17 tahun.

ASD adalah amanah saham ketujuh PNB, selepas Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Nasional 2 (ASN-2), Amanah Saham Malaysia (AM) dan Amanah Saham Hartanah (ASH).

Hamad Kama Piah berkata, Selangor serta Wilayah Persekutuan menduduki tangga teratas dari segi jualan unit ASD, diikuti Kelantan.

Katanya, ini menjadikan PNB menguruskan RM36 bilion dana amanah saham, termasuk RM1 bilion daripada pelabur Melaka.

"Walaupun negeri kecil, Melaka juga mempunyai nilai pelaburan yang besar," katanya.

Beliau juga berkata, PNB memberi peluang kepada pelabur memilih pelaburan dalam mana-mana amanah saham mengikut cita rasa masing-masing, termasuk berharga tetap atau mengikut pasaran.

Katanya, pelaburan dalam amanah saham PNB tidak seperti saham amanah lain yang memerlukan tempoh seminggu jika hendak dijual balik.

"PNB menggunakan pendekatan seperti simpanan di bank boleh dikeluarkan pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu seminggu.

"Pelaburan dan pengeluaran boleh dibuat melalui 1,500 ejen PNB di seluruh negara, termasuk 44 ejen di Melaka," katanya.

Menurutnya, pengalaman PNB menguruskan dana amanah saham selama 20 tahun, mampu membayar dividen lebih 10 peratus.

(END)